# Dr Mahathir: Jangan cemburu kejayaan parti komponen lain

BH 7 JUN 1987

KUALA LUMPUR, Sabtu — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan parti-parti Komponen Barisan Nasional (BN) supaya jangan cemburu kepada kejayaan sesebuah parti komponen yang lain, dalam apa bidang sekalipun.

Sebaliknya, Perdana Menteri menasihatkan, parti-parti komponen mesti saling sokong menyokong antara satu sama lain demi keutuhan keluarga BN.

Beliau yang juga Pengerusi BN berkata, sebagai parti yang dipertanggungjawabkan untuk menerajui negara, BN memerlukan parti komponen yang kukuh dan tidak dipecah-belahkan oleh perasaan iri hati.

"Ini sangat penting kerana BN diwakili oleh parti-parti yang mewakili pelbagai kaum. Tidak ada sesebuah parti pun yang boleh mengaku dirinya mewakili masyarakat majmuk di Malaysia.

"Hakikat ini jelas kerana dalam setiap pilihanraya, rakyat tetap memilih BN dan tidak terpengaruh dengan laungan dan janji parti pembangkang," katanya ketika merasmikan Perhimpunan Perwakilan Parti Gerakan ke-16 di sini hari ini.

## Cabaran

Datuk Seri Dr Mahathir juga berharap cabaran dalaman yang dihadapi oleh parti-parti komponen BN akan meningkatkan kematangan berpolitik ahli-ahlinya.

Katanya, yang penting ialah mengekalkan perpaduan terutama ketika negara menghadapi cabaran seperti kemerosotan ekonomi dan ketegangan politik dan sosial.

Perdana Menteri berkata, walaupun kini parti-parti komponen BN, termasuk Umno dan Gerakan, menghadapi cabaran dalam parti, perkara itu tidak sepatutnya merisaukan ahli-ahli.

Katanya, sudah terbukti bahawa walaupun sesebuah parti itu menempuh masa turun atau naiknya, ia berkepayaan bersatu padu dalam menghadapi pilihanraya dan pelbagai cabaran lain.

Datuk Seri Dr Mahathir menegaskan perpaduan yang jitu di kalangan parti-parti komponen BN sangat penting supaya mereka dapat bersama-sama memberikan kepemimpinan yang diperlukan untuk membangunkan negara.